

Sungai di kawasan Pos Kemar belum tercemar

» Kajian forensik buka dimensi baru penyelidikan saintifik kualiti sumber air



Peserta Ekspedisi Sainifik Pacuan 4x4 anjuran Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, bergambar di Pos Kemar, Gerik, Perak.

[FOTO NASHAIRI MOHD NAWI/BH]

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar
muhdyusuf@bharian.com.my

Gerik

Kajian kualiti air di hulu sungai Perak yang merupakan sumber utama air untuk Empangan Temenggor menjadi tumpuan pasukan Ekspedisi Sainstifik Pacuan Empat Roda anjuran Fakulti Pengajian Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), di Pos Kemar, Gerik, Perak, baru-baru ini.

Diketuai penyelidik Dr Hafizan Juahir dari Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar, kajian selama tiga hari itu bukan sahaja mengumpulkan data dan maklumat asas mengenai kualiti air sungai di kawasan terbabit malah memberi dimensi baru penyelidikan saintifik yang turut disertai pencinta alam sekitar.

Meredah laluan sukar

Seramai 50 peserta menyertai ekspedisi berkenaan yang diketuai Dr Hafizan membabitkan penyelidik UPM, Sirim Malaysia Berhad, Jabatan Perhutanan Perak dan Negeri Sembilan, Jabatan Mineral dan Geosains dengan sokongan Kelab Pacuan Empat Roda (4x4) yang membantu peserta meredah laluan sukar ke lokasi berkenaan sejauh 80 kilometer dari Sungai Siput, ke Pos Kemar di kawasan Banjaran Titiwangsa.

Dr Hafizan berkata, kajian kualiti dijalankan di Pos Kemar berikutan aduan yang diterima mengenai pencerobohan kawasan hutan di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, berasaskan laporan berkenaan, pihaknya melakukan ekspedisi penyelidikan untuk melihat sendiri keadaan sungai di kawasan terbabit.

“Beberapa sungai di sepanjang laluan berkenaan diambil sampel dan data untuk mengenal pasti kualiti air di sungai terbabit yang menjadi sumber air bukan saja untuk penduduk termasuk Orang Asli di kawasan terbabit, malah untuk penduduk Lembah Kinta.

“Kami menggunakan kaedah saintifik untuk membuat kajian terutama kajian forensik alam sekitar bagi mendapatkan kepu-



Kajian kualiti dijalankan di Pos Kemar berikutan aduan yang diterima mengenai pencerobohan kawasan hutan di kawasan berkenaan”

Dr Hafizan Juahir,
Ketua Penyelidik UPM



Pengkaji ekspedisi Sainstifik Alam Sekitar Pacuan Empat Roda UPM mengambil sampel air ketika perjalanan ke Pos Kemar, Gerik.

tusan tepat berhubung kualiti air di kawasan berkenaan,” katanya ketika ditemui BH di Pos Kemar, Gerik, baru-baru ini.

Turut menyertai ekspedisi yang juga dikenali sebagai Forensik Alam Sekitar itu, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, FPAS, Prof Madya Dr Ahmad Makmon Abdullah dan penyelidik dari Jabatan Sains Alam Sekitar, Tengku Hanidza Tengku Ismail.

Beliau berkata, selepas beberapa persampelan diambil daripada sungai, kajian menunjukkan sungai di kawasan Pos Kemar seperti Sungai Temenggor dan Sungai Lengwen masih belum tercemar.

“Namun kegiatan pembalakan dikesan di kawasan luar hutan Pos Kemar menyebabkan kualiti air sungai merosot kerana berlaku hakisan tanah yang mencemarkkan air sungai.

“Pihak berkuasa perlu melakuan sesuatu untuk mengatasi masalah pencemaran terutama di kawasan sumber bekalan air bagi mengelakkan masalah sumber air negara pada masa depan,” katanya.

Dr Hafizan berkata, pembabitn agensi kerajaan yang lain dalam membantu penyelidikan ini penting dalam penjagaan alam sekitar.

“Dengan bantuan agensi kerajaan berkaitan termasuk perhutanan dan saliran, membolehkan maklumat lengkap diperoleh, pada masa yang sama kami dapat merapatkan hubungan dengan agensi terbabit dalam usaha menjaga alam sekitar negara,” katanya.